

Dr M saksi keenam kes Nik Sapeia

BH-7/5/2007

Oleh Khairul Anuar
Abdul Samad


KOTA BHARU: Tun Dr Mahathir Mohamad memberi keterangan di Mahkamah Majistret di sini, semalam, dalam percaraan kes ahli perniagaan, Datuk Nik Sapeia Nik Yusof, yang dituduh menyebabkan kecederaan terhadapnya dan tiga yang lain di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa di sini, 28 Julai tahun lalu.

Dr Mahathir yang berpakaian sut berkolar Nehru berwarna gelap, tiba di mahkamah jam 9.10 pagi dengan kawalan ketat polis dan turut diiringi Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, Asisten Komisioner Mazlan Lazim.

Malah, beliau diberi kawalan ketat sebaik tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa, sebelum dibawa terus ke mahkamah menaiki kereta diiringi polis trafik di samping anggota Unit Tindakan Khas (UTK) dan Cawangan Pengawal Pengiring.

Dr Mahathir selaku saksi keenam dipanggil Timbalan Pendakwa Raya Raja Rozela Raja Toran, memberi keterangan di hadapan Majistret Azman Mustapha, kira-kira jam 11 pagi.

Dalam keterangannya, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu dan tidak melihat siapa yang melakukan



SYAMSI SUHAIMI/BERITA HARIAN

JADI TUMPUAN: Dr Mahathir hadir ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu untuk saksi keenam bagi kes semburan bahan pemedih mata terhadap beliau di Mahkamah Majistret, Kota Bharu.

semburan gas pemedih mata terhadapnya dalam kejadian itu.

"Ketika itu, saya tidak ambil tahu langsung siapa yang melakukan semburan kerana sibuk mengelap muka dengan sehelai tuala basah untuk melegakan diri akibat terkena gas.

"Saya hanya diberitahu pengawal peribadi bahawa perkara itu dilakukan Nik Sapeia," katanya.

Selain Dr Mahathir, mangsa lain yang terkena semburan pemedih mata itu ialah bekas Ahli Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali, Mohd Nasir

Muda dan Suberi Sudin.

Nik Sapeia didakwa mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan, jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum tiga tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana dua hukuman itu bagi setiap pertuduhan.